

Jurnal Teknologi, 36(E) Jun. 2002: 39–60 © Universiti Teknologi Malaysia

TIGA GOLONGAN SYUHADA (KA JIAN HADIS DARI ASPEK KESAHIHAN SANAD DAN MATAN SERTA STATUSNYA)

TAMAR JAYA NIZAR*

Abstrak. Tujuan utama kajian ini ialah mencari dan menentukan sumber-sumber asal hadis yang membahagikan para syuhada kepada tiga golongan yang ternyata tidak hanya diukur pada keikhlasan niatnya dalam berjihad, membela dan menegakkan kalimat Allah dan bentuk pengorbanannya, tetapi juga amalan atau kebiasaan hidup yang dijalani sebelumnya apakah dipenuhi dengan ketaatan, kemaksiatan atau kemunafikan. Pengkaji merasa terpanggil untuk mengetahui lebih dalam akan kualiti hadis tersebut khususnya yang berkaitan dengan kesahihan sanad dan kekuatan matannya, dengan harapan hasilnya dapat memberi masukan baru atau tambahan informasi mengenai Jihad. Hasil kajian hadis yang dirasakan paling tepat dan sesuai untuk digunakan oleh penulis dalam artikel ini ialah dengan menggunakan salah satu lafaz hadis Rasulullah. Kemudian dalam menganalisis setiap sanad dan matannya, pengkaji telah merujuk kepada kitab-kitab ulama Hadis yang muktabar sejauh yang terjangkau. Hasil kajian menunjukkan penemuan begitu menyakinkan terutama tentang kedudukan hadis yang menjadi objek kajian, yang semulanya berstatus lemah atau tidak sahih oleh sebab-sebab tertentu telah terangkat ke posisi hadis sahih yang tidak diragui asalnya dari Rasulullah s.a.w. Kerana itu, jihad dalam Islam yang membawa seseorang kepada mati syahid, di samping keikhlasan niat dan pengorbanan harta dan jiwa, bentuk amalan selama hidup ikut menjadi kriteria penting yang perlu diambil kira.

Kata Kunci: Kajian atau takhrij hadis, sanad, matan, syuhada, kemunafikan, siqah dan hadis Hasan Lizatihi, Sahih Lighairihi

1.0 PENDAHULUAN

Tujuan utama kajian atau penelitian hadis, baik dari segi sanad (jalur) mahupun dari segi matan (teks), adalah untuk mengetahui kualiti hadis yang dianalisis, apakah sahih atau dhaif, diterima atau ditolak. Kualiti hadis sangat perlu diketahui dan dilakukan demi memelihara kesucian ajaran Islam terutama yang berkaitan dengan prinsip-prinsip akidah, ibadah dan muamalahnya. Hadis yang ternyata tidak memenuhi syarat-syarat tidak dapat dipertahan dan dipertanggungjawabkan untuk dijadikan sebagai salah satu sumber ajaran Islam.

Ulama hadis silam sesungguhnya telah melakukan berbagai usaha penelitian terhadap hadis-hadis yang diragui kesahihannya dan yang dianggap perlu oleh mereka. Mereka menghimpun hadis-hadis, menyusun dan menetapkan mana yang sahih dan mana yang dhaif. Para ulama juga telah menyenaraikan nama-nama periwayat hadis secara terperinci baik yang siqah (terpercaya) ataupun yang lemah. Semua kerja yang

Untitled-98 39 02/16/2007, 19:15





 $[^]st$ Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial. Universiti Teknologi Malaysia. Skudai. Johor.

telah dilakukan mereka itu bukanlah suatu yang mudah. Walaupun demikian keadaannya, masih terdengar suara-suara dari setengah pengkaji yang mengajak supaya diteliti ulang terhadap hadis-hadis yang telah pernah dinilai oleh ulama-ulama terdahulu. Tentunya berdasarkan pada niat dan motivasi yang positib dan tujuan yang bersih dari sebarang syak-wasangka terhadap hasil penelitian mereka. Namun tidak dinafikan ada juga di antara suara tersebut yang mempunyai niat sebaliknya.

Bagaimanapun, untuk masa kini, penelitian ulang perlu lebih serius lagi, bukan terhadap hadis-hadis yang telah tersusun rapi dalam kitab-kitab musnad tetapi yang banyak tersebar di tengah-tengah masyarakat awam baik melalui bibir-bibir mubaligh yang kurang teliti atau melalui penulisan-penulisan dalam masalah agama. Mereka sering membawa hadis-hadis popular dan mempopularkan tanpa terlebih dahulu mengkaji ulang kesahihan hadis tersebut yang ternyata setelah diteliti bukan hadis atau bermasalah. Di sinilah peranan Ilmu Takhrij Hadis (Ilmu Kajian Hadis) dirasakan begitu penting sekali.

Ulama hadis telah menyimpulkan beberapa metode mencari hadis antara lain menurut Abu Muhammad terdiri dari 5 cara iaitu:

- a. Dengan cara menggunakan lafaz pertama hadis.
- b. Dengan cara menggunakan salah-satu lafaz yang terdapat dalam hadis.
- c. Dengan cara menggunakan periwayat terakhir (sahabat).
- d. Dengan cara menggunakan tema (topik) hadis.
- e. Dengan cara melihat jenis hadis.²

Demikianlah metode-metode hadis yang dapat digunakan untuk mencari atau men*takhrij*kan hadis. Penulis telah memilih hadis yang berkaitan dengan tiga golongan syuhada yang digambarkan oleh Nabi saw. Namun status hadisnya masih perlu dikaji memandangkan tema yang diperkatakan menyentuh masalah jihad dan para syuhada. Hadis yang hendak dikaji itu adalah seperti berikut.

Sabda Rasulullah saw.;





Abu Muhammad Abd al-Muhdi, *Turuq Takhrij Hadis Rasulillah saw.*, Mesir: Dar al-I'tisam, tt. hal. 94.

Maksud Hadis

"Rasulullah saw. telah bersabda "Orang yang terbunuh dalam peperangan ada tiga golongan. Pertama; orang mukmin yang berjuang dengan jiwa dan hartanya di jalan Allah kemudian terbunuh ketika menyerang musuh, itulah syahid yang telah teruji, dia berada dalam khaimah Allah yang terletak di bawah 'Arsy-Nya, kedudukannya setingkat di bawah kedudukan para nabi, hanya terpisah oleh status nubuwah. Kedua; orang mukmin yang mencampurkan amal saleh dengan amal buruknya, dia berjuang dengan jiwa dan hartanya di jalan Allah kemudian terbunuh ketika menyerang musuh, ia ibarat alat pencuci yang bakal membersihkan semua dosa dan kesalahannya. Sesungguhnya pedangnya adalah penghapus dosa. Dia akan dimasukkan ke dalam syurga melalui mana-mana pintu syurga yang disukainya. Terakhir, orang munafiq yang berjuang dengan jiwa dan hartanya, mati ketika berhadapan dengan musuh, dia bertempat di neraka, kerana pedangnya tidak menghapus dosa kemunafikannya." 'Abdullah menjelaskan kata musmisa dengan menunjuk contoh kain yang dicuci."

Untuk kerja takhrij sekarang ini penulis telah menggunakan metode yang kedua iaitu dengan menggunakan salah-satu lafaz hadis. Buku senarai hadis Al-Mu'jam al-Mufahras Li Alfaz al-Hadis al-Nabawi adalah paling sesuai sebagai rujukan utama.

Sebagai langkah pertama, setelah mengemukakan hadis yang hendak dicari dan hendak diketahui statusnya, penulis berusaha mempertemukannya dengan sumber asalnya atau *mukharrij*nya (seperti Bukhari, Muslim, Ahmad dll.) bersama-sama jalur atau sanadnya secara lengkap. Kemudian, langkah selanjutnya baharulah dibuat analisis untuk setiap periwayat dalam *sanad* hadisnya dan kualiti teks hadis atau *matan*nya sebelum penulis menentukan status hadis yang dikaji. Di akhir kajian, dalam pembahasan fiqh hadis, penulis cuba memetik beberapa pengajaran yang berguna dari hadis Rasulullah saw. tersebut. Berikut adalah hasil kajian yang telah penulis lakukan terhadap hadis yang menjadi tajuk atau topik penulisan ini.

2.0 PERBINCANGAN TENTANG SANAD DAN MATAN HADIS

Setelah menelusuri kitab Mu'jam dan meneliti lokasinya dalam kitab-kitab hadis dan musnad, hadis di atas berasal dari dua *mukharrij* iaitu ulama penghimpun hadis, Imam al-Darimi dan Imam Ahmad. Sanad atau jalur periwayat dan matan atau teks hadisnya secara lengkap penulis turunkan seperti di bawah ini;









TAMAR JAYA NIZAR

2.1 Hadis yang Diriwayatkan oleh Al-Darimi

42

2.2 Hadis Riwayat Imam Ahmad



2.3 Pengertian Hadis

2.3.1 Hadis Riwayat Al-Darimi dengan Sanad

Muhammad ibn al-Mubarak memberitakan kepada kami, diceritakan oleh Mu'awiyah ibn Yahya bahwa Safwan ibn 'Amr menceritakan dari Abu al-Musanna al-Umluki dari 'Utbah ibn 'Abd al-Sulami, dia berkata: Rasulullah saw. telah bersabda, "Orang yang terbunuh ada tiga; orang mukmin yang berjuang dengan jiwa dan hartanya di jalan Allah kemudian terbunuh ketika menyerang musuh, itulah syahid yang telah teruji, dia berada dalam khaimah Allah di bawah 'Arsy-Nya, kedudukannya berada setingkat di bawah kedudukan para nabi terpisah oleh status nubuwah. Orang mukmin yang mencampurkan amal salih dengan amal buruknya, dia berjuang dengan jiwa dan hartanya di jalan Allah kemudian terbunuh ketika menyerang musuh, dia ibarat alat pencuci yang bakal membersihkan semua dosa dan kesalahannya. Sesungguhnya pedangnya adalah penghapus dosa. Dia akan dimasukkan ke dalam syurga melalui mana-mana pintu syurga yang disukainya. Terakhir orang munafiq yang berjuang dengan jiwa dan hartanya, mati ketika berhadapan dengan musuh, dia bertempat di neraka, kerana pedangnya tidak menghapus dosa kemunafikan". 'Abdullah menjelaskan kata musmisa dengan contoh kain yang telah dicuci.

2.3.2 Hadis Riwayat Ahmad dengan Sanad

Abdullah ibn Ahmad menceritakan kepada kami, diceritakan oleh ayah saya bahawa Mu'awiyah ibn 'Amr menceritakan kepada kami, Abu Ishaq yakni al-Sadafi telah menceritakan dari Safwan ibn 'Amr dari Abu al-Musanna dari 'Utbah ibn 'Abd al-Sulami berkata, Rasulullah saw. telah bersabda "Orang yang terbunuh ada tiga golongan. Pertama; orang mukmin yang berjuang dengan jiwa dan hartanya di jalan Allah kemudian terbunuh ketika menyerang musuh, itulah syahid yang dibanggakan, dia berada dalam khaimah Allah di bawah 'Arsy-Nya, kedudukannya berada setingkat di bawah kedudukan para nabi kerana status nubuwah mereka. Kedua; orang mukmin yang telah mengotori jiwanya dengan dosa dan kesalahan, dia berjuang dengan jiwa dan hartanya di jalan Allah kemudian terbunuh ketika menyerang musuh, semua dosa dan kesalahannya telah terhapus kerananya. Sesungguhnya pedangnya adalah penghapus dosa. Dia akan dimasukkan ke dalam syurga melalui mana-mana pintu syurga







yang disukainya. Sesungguhnya syurga mempunyai delapan pintu dan neraka mempunyai tujuh pintu, sebahagian lebih baik daripada yang lainnya. Terakhir, orang munafiq yang berjuang dengan jiwa dan hartanya, mati ketika berhadapan dengan musuh, dia bertempat di neraka, kerana pedangnya tidak menghapus dosa kemunafikan".

Abdullah ibn Ahmad menceritakan kepada kami, diceritakan oleh ayah saya bahawa Ya'mar ibn Busyr menceritakan, 'Abdullah menceritakan kepada kami dari Sofwan ibn 'Amr yang memberitakan dari Abu al-Musanna bahwa ia telah mendengar dari 'Utbah ibn 'Abd al-Sulami yakni seorang sahabat, dia menceritakan Rasulullah saw. bersabda, "Orang yang terbunuh itu tiga...," lalu dilanjutkan dengan penjelasan maknanya.

Untuk mengetahui status sahih tidaknya kedua riwayat hadis tersebut di atas perlu diadakan kajian hadis baik tentang *sanad* mahupun *matan*nya. Dengan menggunakan metode *takhrij* hadis yang ada, penulis telah menemukan hadis yang ingin dibahas itu melalui kitab al-Mu'jam al-Mufahras. Ternyata hadis tersebut telah diriwayatkan oleh dua *mukharrij* atau sumber iaitu Al-Darimi dan Imam Ahmad. Walaupun terdapat sedikit perbezaan pada redaksi tetapi tidak merubah maksud hadis.

3.0 TAKHRIJ HADIS

Sebagaimana yang telah dinyatakan sebelumnya, hadis di atas mempunyai dua mukharrijnya, dan setelah dirujuk pada kitab hadis masing-masing, ditemukan bahawa riwayat dari Al-Darimi lokasinya berada di juz 2/1, kitab al-Jihad dan bab Fi Sifah al-Qatl Fi Sabilillah, halaman 206-207, dan mempunyai satu jalur sanad saja. Adapun riwayat dari Imam Ahmad terdapat di juz ke 6, musnad al-Syamiyin, di bawah nama seorang sahabat 'Utbah ibn 'Abd al-Sulami, halaman 200, dengan nombor hadis 17673 dan 17674 dan mempunyai dua jalur sanad.

3.1 Takhrij Hadis Melalui Al-Darimi

Hadis ini mempunyai satu jalur sanad dengan urutan periwayat seperti berikut:

(i) Muhammad ibn Mubarak (dengan lafaz *akhbarana*), (ii) Mu'awiyah ibn Yahya (*haddasana*), (iii) **Sofwan ibn 'Amr** (*haddasana*), (iv) Abu al-Musanna al-Umluki (dengan lafaz'*an*), (v) 'Utbah ibn Abd al-Sulami ('*an*), (vi) Rasulullah saw.

3.2 Takhrij Hadis Melalui Ahmad ibn Hanbal

Hadis ini mempunyai satu jalur sanad dengan satu mutabi' (cabang jalur hadis) yang bermula dari tabi' tabi'in (murid dari murid sahabat) iaitu Sofwan ibn 'Amr dengan urutan seperti berikut:



Untitled-98

³ Al-Darimi, *Sunan al-Darimi*, Beirut: Dar al-Fikr, t.t. Juz 2/1. hal. 206-207.

⁴ Ahmad ibn Hanbal, *Musnad Ahmad*, Beirut: Dar al-Fikr, t.t. Juz 6, hal. 200.

- (i) 'Abdullah ibn Ahmad (dengan lafaz haddasani yang bererti mendengar a. hadis secara langsung), (ii) Mu'awiyah ibn 'Amr (haddasana), (iii) Abu Ishaq al-Fazari (haddasana), (iv) **Sofwan ibn 'Amr** ('an yang bererti mungkin mendengarnya secara langsung mungkin tidak), (v) Abu al-Musanna al-Umluki ('an), (vi) 'Utbah ibn Abd al-Sulami ('an), (vii) Rasulullah saw.,
- (i) Ya'mar ibn Busyr (haddasana), (ii) Abdullah (haddasana), (iii) **Sofwan ibn 'Amr** (akhbarana), (iv) Abu al-Musanna al-Umluki (haddasahu), (v) 'Utbah ibn Abd al-Sulami (sami'a), (vi) Rasulullah saw. Skema kedua hadis terlampir di halaman akhir.

4.0 PEMBAHASAN KUALITI RIJAL AL-SANAD ATAU **PERIWAYAT HADIS**

Berikut diturunkan informasi mengenai tiap-tiap perawi hadis dari kedua *mukharrij* untuk dapat dianalisis dan diberi penilaian status hadisnya.

Sanad atau Jalur Hadis Al-Darimi

Muhammad ibn al-Mubarak

- a) Nama lengkapnya: Muhammad ibn al-Mubarak ibn Ya'la al-Qurasyi al-Suri Abu 'Abdullah al-Qalanisi, tinggal di Dimasyq. (153-215H)
- b) Guru dan muridnya di bidang periwayatan hadis: ia meriwayatkan hadis dari Mu'awiyah ibn Salam, 'Ata ibn Muslim al-Khaffaf, Sadaqah ibn Khalid, Yahya ibn Hamzah al-Hadrami, Isa ibn Yunus, 'Uyainah dll. Di antara murid yang menstranmisi hadis dari beliau adalah 'Abdullah ibn 'Abd al-Rahman al-Darimi, Abu Zur'ah al-Dimasyqi, Musa ibn 'Isa ibn al-Munzir al-Himsi dll.
- c) Penilaian para pengkritik hadis tentang dirinya: Ibn Ma'in, Abu Daud, al-'Ijli dan Abu Hatim menilai Muhammad ibn al-Mubarak sebagai *Syaikh* al-Syam. Ibn Hibban menyebutkannya dalam Kitab Al-Siqah. Ibn Syahin menyebutkannya dalam Al-Siqah. Tetapi, Al-Zahabi menilai bahawa hadis-hadisnya tustankar (ditolak). Al-Khalili menilai dirinya sebagai siqah. 5 Majoriti pengkritik hadis menilai Muhammad ibn al-Mubarak sebagai terpercaya.

Mu'awiyah ibn Yahya Al-Sadafi

- a) Nama lengkapnya: Mu'awiyah ibn Yahya al-Sadafi Abu Ruh al-Dimasyqi.
- b) *Professinya*: menurut Ibn Hajar al-'Asqalani, beliau pernah bekerja di Baitul Mal di Rai sebagai wakil Khalifah al-Mahdi (158-169H).









Ibn Hajar al'Asqalani, Tahzib al-Tahzib, Beirut: Dar al-Fikr, 1984. Jilid 9, hal. 375-376.

- c) *Guru dan muridnya di bidang periwayatan hadis*: di antara gurunya adalah al-Zuhri, Yunus ibn Maisarah, Sulaiman ibn Musa dll. Muridnya pula adalah seperti Ishaq ibn Sulaiman al-Razi, 'Isa ibn Yunus, dan Muhammad ibn Syu'aib ibn Syabur.
- d) *Penilaian para pengkritik hadis tentang dirinya*: Yahya ibn Ma'in menyebutkan dia adalah *halikun laisa bisyaiy*'. Al-Nasa'i berkata dia tidak siqah. Al-Jurjani berkata dia *zahib al-hadis*. Abu Zur'ah pula mengatakan dia *laisa biqawi*. Hadis-hadisnya seperti munkarah dan yang diriwayatkan di Syam lebih baik statusnya daripada yang di Rai. Abu Hatim, Abu Daud, Al-Nasa'I mereka menjelaskan dia adalah dha'if. Abu Bakr al-Bazzar menilainya sebagai *layin al-hadis*. Ibn Hibban menceritakan Mu'awiyah ibn Yahya pernah membeli buku-buku hadis, tetapi ketika meriwayatkan hadis terjadi perubahan pada hafalannya. Ahmad ibn Hanbal menilainya dengan menegaskan taraknahu. ⁶ Semua pengkritik hadis menilai Mu'awiyyah lemah ingatan.

4.1.3 Safwan ibn 'Amr

- a) Nama lengkapnya: Safwan ibn 'Amr ibn Haram al-Suksuki Abu 'Amr al-Himsi. (w.100H)
- b) Guru dan muridnya di bidang periwayatan hadis: di antara gurunya adalah Abdullah ibn Bisr al-Mazini al-Sahabi, Syuraih ibn 'Ubaid al-Hadrami, Abu Idris al-kufi dll. Murid-muridnya pula termasuk Ibn al-Mubarak, Abu Ishaq al-Fazari, 'Isa ibn Yunus dll.
- c) *Penilaian para kritikus hadis tentang dirinya*: Al-'Ijli menilainya siqah. Al-Nasa'i menilainya sebagai siqah. Abu Hatim menilainya *siqah la ba'sa bih*. Ibn Sa'ad mengatakan dia *siqah ma'mun*. Ibn Hibban memasukkan dalam *Al-Siqah*. Semua pengkritik hadis menilai Safwan terpercaya.

4.1.4 Abu Al-Musanna

- a) Nama lengkapnya: Damdam Abu al-Musanna al-Umluki al-Himsi.
- b) Guru dan muridnya di bidang periwayatan hadis: di antara gurunya adalah 'Utbah ibn 'Abd al-Sulami, Ka'b al-Ahbar dll. Adapun muridnya adalah seperti Hilal ibn Yusaf dan Safwan ibn 'Amr al-Suksuki.
- c) *Penilaian para kritikus hadis tentang dirinya*: Ibn Hibban menyebutkanya dalam Al-Siqah. Abu Muslim berkata bahawa menurut ayahnya Abu al-Musanna adalah tabi'i Syamiy siqah.⁸ Para ulama hadis menilai Abu al-Musanna sebagai siqah atau terpercaya.

46





^o *Ibid.*, Jilid 10, hal. 197-198.

[′] *Ibid*., Jilid 4, hal. 376.

⁸ *Ibid.*, Jilid 4, hal. 406.

4.1.5 'Utbah ibn 'Abd al-Sulami

- a) *Nama lengkapnya*: 'Utbah ibn 'Abd al-Sulami Abu al-Wal³d. Nama asalnya ialah 'Utlah tetapi dirubah oleh Rasulullah saw. dengan nama 'Utbah. (wafat .87H dan umurnya 94 tahun)
- b) *Guru dan muridnya di bidang periwayatan hadis*: meriwayatkan hadis dari Rasulullah saw. Adapun muridnya seperti anaknya Yahya, Hakim ibn 'Umair, Rasyid ibn Sa'ad, Syurahbil ibn Syuf'ah,dan Luqman ibn 'Amir. ⁹ Menurut riwayat al-Hasan ibn Sufyan dari Yahya ibn 'Utbah ibn 'Abd, dia berkata "Ketika perang Bani Quraizah Rasulullah saw. telah bersabda siapa yang berhasil memasukkan satu anak panahnya ke dalam benteng (Bani Quraizah-penulis) maka dia akan mendapat syurga. Maka saya berhasil memasukkan tiga anak panah". Al-Waqidi menambah 'Utbah merupakan sahabat terakhir yang meninggal di Syam. ¹⁰
- c) *Penilaian para pengkritik hadis tentang dirinya*: memandangkan dia adalah tergolong sahabat maka '*adalah* atau kejujurannya tidak diragukan lagi.

4.2 Para Perawi Sanad Pertama Riwayat Ahmad

Yang mengucapkan kata haddasana (ertinya: menceritakan kepada kami secara langsung) pada permulaan sanad riwayat Imam Ahmad ibn Hanbal di atas, adalah murid Abdullah ibn Ahmad ibn Hanbal, yakni Abu Bakr Ahmad ibn Ja'far ibn Hamdan ibn Malik al-Qati'i. Ia merupakan salah seorang periwayat yang menyampaikan riwayat hadis-hadis yang terhimpun dalam kitab hadis 'Musnad Ahmad'.

Naskah *Musnad Ahmad* yang riwayatnya dikutip di atas disandarkan kepada Abdullah ibn Ahmad ibn Hanbal (213-290H) kerana Imam Ahmad ibn Hanbal telah membacakan kitab musnadnya itu kepada putranya tersebut.¹¹

4.2.1 Abdullah

- a) *Nama lengkapnya*: Abdullah ibn Ahmad ibn Hanbal ibn Hilal ibn Asad al-Syaibani Abu Abd al-Rahman al-Baghdadi (213-290H).
- b) Guru dan muridnya di bidang periwayatan hadis: guru Abdullah ibn Ahmad cukup banyak antara lain ayahnya sendiri, Ibrahim ibn Hajjaj al-Sami, Ahmad ibn Mani' al-Baghawi, Isma'il ibn Ibrahim al-Tarjumani, al-Hakam ibn Musa, Abu Bakr ibn Abi Syaibah, Yahya ibn Ma'in dll. Murid Abdullah ibn Ahmad juga banyak seperti al-Nasa'i meriwayatkan dua hadis darinya, Abu Bakr ibn Ziyad, Abu Bakr al-Najjad,





Untitled-98

47

⁹ *Ibid.*, Jilid 7, hal. 91.

Ibn Hajar al-'Asqalani, Al-Isabah fi Tamyiz al-Sahabah, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah, tt. Jilid 2 hal. 215. (harf al-'Ain)

¹¹ M. Syuhudi Ismail, *Metodologi Penelitian Hadis Nabi*, Jakarta: Bulan Bintang, 1992, hal. 117-118.

Ahmad ibn Kamil, Abu al-Qasim al-Baghawi, Abu Bakr al-Qati'i, Abu 'Awanah al-Isfara'ini,dan Abu al-Qasim al-Tabrani.

c) *Penilaian para pengkritik hadis tentang dirinya*: Al-Khatib berkata dia adalah *siqah*, *sabt* dan *fahm*. Al-Nasa'i menjelaskan dia adalah siqah. Al-Daruqutni mengatakan kedua Abdullah ibn Ahmad ibn Hanbal *siqah nabil*. Abu Bakr al-Khallal berkata Abdullah adalah *salih sadiq al-lahjah* dan sangat pemalu. ¹² Peribadi Abdullah ternyata mendapat penilaian positif dari ulama hadis.

4.2.2 Mu'awiyah ibn 'Amr

- a) Nama lengkapnya: Mu'awiyah ibn 'Amr ibn al-Mihlab ibn 'Amr ibn Syabib al-Azdi al-Mu'ni al-Kufi Abu 'Amr al-Baghdadi. (128-214H)
- b) Guru dan muridnya di bidang periwayatan hadis: gurunya antara lain ialah Zaidah ibn Qudamah, al-Mas'udi, Zuhair ibn Mu'awiyah, Abu Ishaq al-Fazari dll. Di antara muridnya pula adalah seperti al-Bukhari, Ahmad ibn Abi Raja al-Harawi, Abu Bakr ibn Abi Syaibah, Yahya ibn Ma'in,dan Isma'il ibn al-Harits.
- c) *Penilaian para pengkritik hadis tentang dirinya*: Ahmad ibn Hanbal menilainya siqah atau terpercaya. Abu Hatim berkata dia siqah. Ibn Hibban memasukkannya dalam Al-Siqah. ¹³

4.2.3 Abu Ishaq Al-Fazari

- a) Nama lengkapnya: Ibrahim ibn Muhammad ibn al-Haris ibn Asma ibn Kharijah ibn Hisn ibn Huzaifah ibn Badr, al-Fazari Abu Ishaq al-Kufi.(w.185H)
- b) Guru dan muridnya di bidang periwayatan hadis: di antara gurunya adalah Hamid al-Tawil, Abu Ishaq al-Sabi'i, al-A'masy, Musa ibn 'Uqbah, Malik, Syu'bah, Sauri dll. Adapun muridnya adalah seperti Mu'awiyah ibn 'Amr, Zakaria ibn 'Adi, al-Auza'i, dan Ibn al-Mubarak.
- c) *Penilaian para kritikus hadis tentang dirinya*: Al-Nasa'i berkata dia *siqah ma'mun*. Ibn Ma'in menilainya sebagai siqah siqah. Abu Hatim berkata dia *siqah ma'mun*. Al-'Ijli mengatakan Abu Ishaq siqah. ¹⁴ Dengan demikian Abu Ishaq telah dinilai sebagai periwayat hadis yang amat terpercaya.

4.2.4 Safwan ibn 'Amr

a) Nama lengkapnya: Safwan ibn 'Amr ibn Haram al-Suksuki Abu 'Amr al-Himsi. (w.100H)





 $^{^{12}\,}$ Ibn Hajar al-'Asqalani, op.cit., jilid 5, hal. 124-125.

¹³ *Ibid.*, jilid 10, hal. 194-195.

¹⁴ *Ibid.*, jilid 1, hal. 131-132.

b) Guru dan muridnya di bidang periwayatan hadis: di antara gurunya adalah Abdullah ibn Bisr al-Mazini al-Sahabi, Syuraih ibn 'Ubaid al-Hadrami, Abu Idris al-kufi dll. Murid-muridnya pula termasuk Ibn al-Mubarak, Abu Ishaq al-Fazari, 'Isa ibn Yunus dll. c) Penilaian para pengkritik hadis tentang dirinya: Al-'Ijli menilai Safwan ibn 'Amr siqah. Al-Nasa'i menilainya sebagai siqah atau terpercaya. Abu Hatim menilainya siqah la ba'sa bih. Ibn Sa'ad mengatakan dia siqah ma'mun. Ibn Hibban memasukkannya dalam Al-Siqat. Kerana itu Safwan adalah periwayat yang amat terpercaya.

4.2.5 Abu Al-Musanna

- a) Nama lengkapnya: Damdam Abu Abu al-Musanna al-Umluki al-Himsi.
- b) Guru dan muridnya di bidang periwayatan hadis: di antara gurunya adalah 'Utbah ibn 'Abd al-Sulami, Ka'b al-Ahbar dll. Adapun muridnya adalah seperti Hilal ibn Yusaf dan Safwan ibn 'Amr al-Suksuki.
- c) *Penilaian para kritikus hadis tentang dirinya*: Ibn Hibban menyebutkannya dalam *Al-Siqat*. Abu Muslim berkata bahawa menurut ayahnya Abu al-Musanna adalah *tabi'i Syamiy siqah* atau pengikut sahabat dari Syam yang jujur.

4.2.6 'Utbah ibn 'Abd al-Sulami (sudah dijelaskan sebelumnya – lihat halaman 11)

- a) *Nama lengkapnya*: 'Utbah ibn 'Abd al-Sulami Abu al-Wal³d. Nama asalnya ialah 'Utlah tetapi dirubah oleh Rasulullah saw. dengan nama 'Utbah. (wafat .87H ketika umurnya 94 tahun)
- b) *Guru dan muridnya di bidang periwayatan hadis*: meriwayatkan hadis dari Rasulullah saw. Adapun muridnya seperti anaknya Yahya, Hakin ibn 'Umair, Rasyid ibn Sa'ad, Syurahbil ibn Syuf'ah,dan Luqman ibn 'Amir.
- c) *Penilaian para kritikus hadis tentang dirinya*: memandangkan dia adalah tergolong sahabat maka 'adalah atau kejujurannya tidak diragukan lagi.

4.3 Para Perawi Sanad Kedua Riwayat Ahmad

4.3.1 Abdullah ibn Ahmad (sudah dijelaskan sebelumnya)

4.3.2 Ya'mar ibn Busyr

- a) Nama lengkapnya: Ya'mar ibn Busyr Abu 'Amr al-Khurasani al-Darakani.
- b) *Guru dan muridnya di bidang periwayatan hadis*: gurunya adalah Ibn al-Mubarak dan tabaqahnya. Muridnya termasuk Ahmad ibn Sinan, Hajjaj ibn Hamzah, Ahmad ibn Hanbal¹⁵ dll. Imam Ahmad ibn Hanbal dan al-Darimi hanya meriwayatkan satu hadis saja dari beliau.



Untitled-98

 $^{^{15}\,}$ Ibn Abi Hatim al-Razi, Kitab al-Jarh wa al-Ta'dil, Beirut: Dar al-Maktabah al-'Ilmiyah. t.t. jilid 9, hal. 313.

c) *Penilaian para pengkritik hadis tentang dirinya*: Ibn Hibban menyebutkan Abdullah ibn Ahmad dalam Al-Siqat¹⁶ iaitu termasuk dalam senarai golongan yang jujur.

4.3.3 Abdullah

- a) Nama lengkapnya: Abdullah ibn al-Mubarak ibn Wadih al-Hanzali al-Tamimi. (118-181H)
- b) Guru dan muridnya di bidang periwayatan hadis: menstranmisi hadis dari guru-gurunya antara lain adalah Sulaiman al-Taimi, Yahya ibn Sa'id al-Ansari, Abdullah ibn 'Umar, 'Ikrimah ibn 'Ammar, al-A'masy, al-Syu'bah, al-Auza'i, al-Lais dll. Adapun murid-muridnya yang menerima periwayatan darinya termasuk Ma'mar ibn Rasyid, Abu Ishaq al-Fazari, Ibn 'Uyainah dll.
- c) *Penilaian para pengkritik hadis tentang dirinya*: Al-'Ijli menilainya amat jujur atau *siqah sabit*. Ibn Hibban menyebutkannya dalam *Al-Siqat*. Ibn Sa'ad menyebutnya sebagai *siqah ma'mun hujjah*.
- 4.3.4 Safwan ibn 'Amr (sudah dijelaskan sebelumnya)
- **4.3.5 Abu Al-Musanna** (sudah dijelaskan sebelumnya)
- **4.3.6 'Utbah ibn 'Abd al-Sulami** (sudah dijelaskan sebelumnya)

Setelah diteliti setiap periwayat hadis dari kedua sanad ternyata seorang perawi dari jalur sanad al-Darimi yaitu Mu'awiyah ibn Yahya, sanad pertama hadisnya, mendapat tajrih atau **celaan** dari ulama-ulama pengkritik hadis dengan menilaikannya sebagai halikun, zahib al-hadis, laiyin, dll. Tetapi pentajrihan mereka tidak sampai ke peringkat yang lebih parah dari itu. Periwayat Muhammad ibn al-Mubarak pula, banyak ulama telah menta'dilkan atau memujinya sebagai perawi yang jujur. Hanya al-Zahabi seorang saja yang mengatakan hadis-hadisnya tustankar atau ditolak, tetapi, kerana tidak dijelaskan bukti dan sebab-sebabnya maka tajrihnya tidak dapat dianggap berat. Apalagi majoriti ulama telah menta'dilkannya. Adapun periwayat-periwayat lain, semuanya telah mendapat penilaian positif dari ulama-ulama pengkritik hadis sebagaimana yang dinyatakan di atas, baik ia dari jalur sanad al-Darimi ataupun dari sanad Imam Ahmad.

5.0 PERSAMBUNGAN KEDUA-DUA SANAD HADIS

Dari segi persambungan *sanad*, ternyata *sanad* hadis al-Darimi termasuk *muttasil* (sampai kepada Rasulullah saw.), kerana perawinya menggunakan lafaz-lafaz *haddasana* dan *akhbarana* yang disepakati tinggi kualitinya di mana antara guru dan



¹⁶ Abdul Ghaffar Sulaiman al-Bandari, *Mawsu'ah Rijal al-Kutub al-Tis'ah*, Beirut, Dar al-Kutub al-'Ilmiyah, 1993, jus 4. hal. 287.

murid benar-benar telah terjadi pertemuan dan dialog. {(1) Muhammad ibn Mubarak (akhbarana), (2) Mu'awiyah ibn Yahya (haddasana), (3) Sofwan ibn 'Amr (haddasana)}. Begitu juga dengan lafaz 'an, meski pun dikatakan kemungkinan mempunyai kesan-kesan tadlis, namun perawinya tergolong siqah semua; iaitu (4) Abu al-Musanna al-Umluki (dengan lafaz 'an), (5) 'Utbah ibn Abd al-Sulami ('an). Apabila demikian halnya, maka sanad hadisnya adalah muttasil. Kemudian apabila ditinjau dari tahun wafat tiap perawi yang telah diketahui, tidak ditemukan jarak masa yang mencurigakan, dan masing-masing hidup masih dalam era waktu yang dapat digambarkan kemungkinan bertemunya.

Meneliti sanad Imam Ahmad pula, kedua-dua jalur sanadnya termasuk *muttasil*, kerana kesemua perawi hadisnya adalah *siqah* atau *terpercaya* dan tidak ada seorang ulamapun yang menyatakannya *munqati* atau terputus sanadnya baik yang menggunakan lafaz 'an apalagi yang menggunakan lafaz seperti *haddasana*, *akhbarana* dan *sami'ahu* yang kualitinya lebih meyakinkan. Memandangkan ke*siqah*an tiap-tiap perawi hadisnya itu dan jarak masa di antara mereka relatif dekat, dapat disimpulkan bahawa masing-masing pernah bertemu atau sekurang-kurangnya hidup sezaman. Begitu juga, kalau dilihat jarak waktu wafat yang telah diketahui antara perawi-perawinya, ia masih dalam batas-batas yang munasabah.

6.0 PENILAIAN HADIS

51

Kesimpulan yang dapat diambil khususnya tentang hadis riwayat al-Darimi ini, bahawa ia tidak dapat dikatakan sahih tetapi adalah berstatus hasan li zatihi atas alasan salah satu dari periwayat hadisnya, Mu'awiyah ibn Yahya, dinilai oleh ulama-ulama pengkritik hadis kurang kedhabitannya iaitu layyinul hadis, laisa biqawiy dan yang seumpamanya seperti yang dikemukakan oleh ulama-ulama hadis. Hadis Hasan Lizatihi dimaksud adalah hadis yang memenuhi segala syarat-syarat Hadis Hasan iaitu hadis yang dinukilkan oleh seorang perawi adil, tapi tak begitu kuat ingatannya, namun bersambung sanadnya, dan tidak terdapat 'illah (cacat) serta kejanggalan pada matannya. (

Berbeza dengan hadis riwayat Ahmad, ia berstatus sahih, apalagi disokong oleh *mutabi*' yang bermula dari Sofwan ibn 'Amr telah memperkuat kedudukannya menjadi hadis sahih. Ini kerana sanad riwayat Imam Ahmad mempunyai barisan periwayat yang *siqah* semuanya dan tidak ada ulama hadis yang men*tajrih*kannya. Jalur sanadnya *muttasil* iaitu sampai kepada Rasulullah saw. dan tidak ada ulama yang menilainya putus sanad sebagaimana yang telah dihuraikan sebelumnya, serta tidak terdapat '*illah* (kecacatan) mahupun *syuzuz* (kejanggalan) baik sanad mahupun matannya. Hanya terdapat sedikit penambahan kata-kata dan perbezaan dari segi lafaz *al-qatl* misalnya pada riwayat Ahmad dan *al-qatla* pada riwayat al-Darimi. Namun, ia tidak



Untitled-98

 $^{^{17}\,}$ Fatchur Rahman, Ihktishar Mushthalahul Hadits, Bandung, PT. Al-Ma'arif, tt. hal. 111.

merubah konotasi makna hadis secara keseluruhan, tidak juga menurunkan kualiti salah satu hadisnya. Oleh itu, hadis Imam Ahmad dengan kedua jalur sanadnya adalah berstatus *sahih lizatihi* (sahih yang nyata) dan dalam masa yang sama telah mengangkat hadis riwayat al-Darimi yang berstatus **hasan lizatihi** menjadi **sahih lighairihi** (sahih kerana ada sokongan dari riwayat Ahmad). Ini kerana perawi Mu'awiyah ibn Yahya yang kurang daya ingatannya atau kedhabitannya telah dapat ditutupi dengan adanya sanad lain yang lebih *dhabit*, ¹⁸ iaitu dari sanad Imam Ahmad.

7.0 FIQH AL-HADIS

- a. Islam bukan hanya agama di waktu damai tetapi ia juga agama di waktu perang. Islam membimbing dan membekalkan motivasi di jiwa orang-orang Islam bagaimana memenangkan peperangan secara mulia dan terpuji.
- b. Tujuan peperangan dalam Islam adalah untuk menegakkan agama Allah dengan mengorbankan jiwa dan harta milik peribadi.
- c. Kedudukan orang yang mati syahid adalah sangat mulia sekali di sisi Allah swt. kerana yang memisahkan antara mereka dengan para nabi hanya terletak pada status nubuwahnya saja.
- d. Kata-kata *Khaimah Allah* dan '*Arsy-Nya*, meskipun masing-masing mempunyai konotasi bahasa yang tersendiri: khaimah berarti tenda untuk istirahat dan 'arsy adalah tempat bersemayamnya raja, namun hakikat kedua makhluk tersebut termasuk perkara-perkara ghaib yang di luar jangkauan pengetahuan manusia. Kita mengimani eksistensi keduanya sesuai dengan informasi yang disampaikan oleh Allah dan Rasul-Nya saw. Kaedah utama ulama salaf dalam hal ini sebagaimana yang dipegang oleh Imam Malik:
- e. Orang yang mati syahid, walaupun semasa hidupnya tidak konsisten antara melakukan ketaatan dan kema'siatan, apabila di akhirat kelak, akan dibukakan semua pintu syurga untuk dimasuki mana yang disukainya. Kerana, di samping ia dijanjikan mendapat ganjaran yang begitu besar sekali, orang yang mati syahid dijamin akan dihapus juga semua dosa dan kesalahan mereka oleh Allah swt.
- f. Kemunafikan merupakan dosa yang paling merbahaya sekali kerana tidak dapat dihapus meskipun dengan mati syahid di medan perang dan neraka tetap merupakan ganjarannya di akhirat. Suatu dosa yang tidak ada galang gantinya.
- g. Syarat-syarat diterimanya mati syahidnya seseorang mukmin antaranya ialah:







 $^{^{18}\,}$ Ibid., hal. 101.

TIGA GOLONGAN SYUHADA

- i. peperangan yang dihadapi adalah untuk menegakkan agama Allah.
- ii. jiwa dan harta menjadi pertaruhan.
- iii. gugurnya di tangan tentera musuh.
- iv. tidak ada kemunafikan.

h. Tiga kategori syuhada' yang diilustrasikan oleh hadis iaitu;

Pertama: syuhada' yang ikhlas dan konsisten dengan ketaatannya memperoleh

ganjaran syurga yang paling mulia di sisi Allah swt. dan hanya setingkat

di bawah kedudukan para nabi.

Kedua: syuhada' yang tidak konsisten dalam hidupnya antara taat dan maksiat,

maka dosa maksiatnya akan terhapus oleh mati syahidnya dan ia bebas

memilih mana-mana syurga kesukaannya.

Ketiga: orang yang terbunuh dalam keadaan munafik maka tempatnya adalah

di neraka kerana mati syahidnya ditolak.

8.0 KESIMPULAN

Dari hasil kajian hadis yang dilakukan terhadap hadis mengenai tiga golongan syuhada, pengkaji mendapat bahawa hadis tersebut meskipun pada riwayat al-Darimi kelihatan lemah sanadnya dan tidak berstatus hadis sahih, tetapi darjatnya meningkat menjadi hadis sahih disebabkan adanya sokongan dari riwayat lain yang lebih kuat dan lebih sahih iaitu riwayat Imam Ahmad. Maka status sebenar hadis tersebut adalah termasuk jenis hadis **sahih lighairihi** yang tertinggi kualitinya dalam kategori Hadis Ahad. Adapun dari segi teksnya, pengkaji tidak menemukan perkara-perkara yang janggal atau bertentangan dengan prinsip-prinsip Islam umumnya, ataupun dengan hadishadis lain yang sama atau lebih kuat daripadanya. Pengajaran yang terkandung di dalamnya adalah sah dan dapat dijadikan tambahan bagi ajaran Jihad dalam Islam.

RUJUKAN

Al-Razi Ibn Abi Hatim, t.t. *Kitab al-Jarh wa al-Ta'dil*. Beirut: Dar al-Maktabah al-'Ilmiyah. Jilid 9. Al-Bandari Abdul Ghaffar Sulaiman. 1993. Mawsu'ah Rijal al-Kutub al-Tis'ah. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah. Jus 4

Al'Asqalani, Ibn Hajar. 1984. Tahzib al-Tahzib. Beirut: Dar al-Fikr.

Al-Mu'jam al-Mufahras Li Alfaz al-Hadis al-Nabawi. 1943. Leiden: Matba'ah Brik. Juz 2.

Al-Darimi, t.t. Sunan al-Darimi. Beirut: Dar al-Fikr, Juz 2. Kitab al-Jihad. Bab fi sifah al-qatl fi sabilillah.

Al-Muhdi, Abu Muhammad Abd, t.t. Turuq Takhrij Hadis Rasulillah saw.. Mesir: Dar al-I'tisam.

Ibn Hanbal, Ahmad. 1991. *Musnad Li al-Imam Ahmad ibn Hanbal*. Beirut: Dar al-Fikr, Juz 6. Musnad al-Syamiyin, no. hadis 17673 dan 17674. Utbah ibn Abd al-Sulami.

Ismail, M. Syuhudi1. 1992. Metodologi Penelitian Hadis Nabi. Jakarta: Bulan Bintang.

Rahman, Fatchur, tt. Ihktishar Mushthalahul Hadits. Bandung, PT. Al-Ma'arif.









LAMPIRAN 1

Skema Keseluruhan Sanad Hadis Tiga Golongan Syuhada dan Kualiti Perawinya;





55

LAMPIRAN 2

Skema Persambungan Sanad Hadis Imam Ahmad;







LAMPIRAN 3

Skema Persambungan Sanad Hadis Al-Darimi;







57

LAMPIRAN A

Skema Persambungan Sanad Hadis Imam Ahmad





Untitled-98 57

02/16/2007, 19:15

LAMPIRAN B

Skema Persambungan Sanad Hadis Al-Darimi





59

LAMPIRAN C

Skema Sanad Hadis dan Kualiti Perawinya



59

 \downarrow

